



**UTM**  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

**SCHOOL OF COMPUTING**  
Faculty of Engineering

---

UKQF2132/UKQA2142 – 01

**KHIDMAT KATERING**

---

PERBINCANGAN:

**INDUSTRI KATERING DI MALAYSIA**

NO	NAMA	NO MATRIK
1	MUHAMMAD NAZREEN BIN MUBIN	A19EC0104

NAMA PENSYARAH :

- 1) PUAN HASNAH BINTI MD AMIN
- 2) DR MOHD SOLKIFLI BINTI ABD HAMID

TARIKH PENYERAHAN : 6 FEBRUARI 2021

## PENGENALAN

Khidmat katering merupakan perkhidmatan sokongan kepada perniagaan teras sesebuah organisasi. Penyediaan perkhidmatan katering yang berkualiti akan menyebabkan perniagaan teras sesebuah organisasi lebih berkesan. Keberkesanan perkhidmatan juga membantu perniagaan tersebut untuk mencapai sasaran. Secara lazimnya, kita seringkali mendapati bahawa perkhidmatan katering yang terdapat di beberapa majlis keramaian seperti majlis perkahwinan dan majlis jamuan makan malam. Di majlis tersebut, kita disambut dan dilayani secara baik oleh pelayan ketika makanan dihidangkan. Pengalaman tersebut sudahlah cukup untuk membuktikan hikmah menyediakan khidmat katering.

Pada awalnya, perkhidmatan katering merupakan suatu perniagaan yang menguntungkan dan berpotensi untuk berkembang. Perkhidmatan katering mendapat banyak perhatian oleh masyarakat kerana servis yang dijalankan akan memudahkan pelancaran majlis. Perkhidmatan katering mempunyai pelbagai faedah di samping servis layanan mereka yang berkualiti. Antara faedahnya kepada sesebuah organisasi iaitu perkhidmatan tersebut lebih menjimatkan kos dan tenaga kerana kos kelengkapan memasak dan resepi makanan yang akan dihidangkan tidak perlu diambil kira. Bahkan, mereka juga mempunyai set peralatan memasak yang serba lengkap. Pelayan-pelayan juga akan disediakan pakaian yang kemas dan sedondon bagi memudahkan urusan melayani tetamu. Khidmat katering juga terlatih untuk memastikan keadaan meja makan dibersihkan dari semasa ke semasa. Sudah tentunya, dengan kelebihan perkhidmatan katering sedemikian boleh menaikkan kualiti persembahan sesebuah majlis.

## KESAN PANDEMIK COVID-19 TERHADAP KHIDMAT KATERING

Pandemik koronavirus secara definisinya ialah pandemik penyakit koronavirus yang telah menular secara global disebabkan oleh sindrom pernafasan akut teruk 2. Koronavirus sindrom pernafasan akut teruk 2 ialah sejenis virus berjangkit yang telah dijumpai pada pertengahan bulan Disember 2019 di bandaraya Wuhan. Sehingga kini, tiada ramalan dikenal pasti bagi menunjukkan tarikh berakhirnya pandemik koronavirus. Kerajaan Malaysia juga telah mengambil berat akan isu pandemik dan memerintahkan rakyat mereka supaya mematuhi perintah kawalan pergerakan (PKP) walaupun sedar akan kesan simpangan yang boleh berlaku. Antara kesan simpangan kepada individu yang telah berlaku disebabkan oleh PKP iaitu kehilangan sumber pendapatan dan kemerosotan perniagaan. Malah, negara juga telah menanggung kejatuhan infrastruktur kerana kekurangan duit untuk menanggung perbelanjaan infrastruktur tersebut. Sebahagian duit kerajaan juga telah digunakan untuk menyediakan bantuan kepada penduduk demi kesejahteraan mereka. Banyak sektor pekerjaan di Malaysia tidak dapat beroperasi seperti biasa semasa PKP. Perkara ini menyebabkan pelbagai isu seperti kehilangan pekerjaan kepada pekerja biasa. Perkhidmatan katering juga tidak terkecuali turut

terjejas sejak bermulanya pelaksanaan PKP. Hal ini demikian, kerana kekurangan permintaan untuk mengadakan majlis secara terbuka.

Sudah terang lagikan bersuluh, bahawa pandemik Covid-19 merupakan faktor kejatuhan permintaan untuk khidmat katering. Berikut ialah contoh liputan akhbar mengenai syarikat yang menyediakan khidmat katering di Kelantan yang terpaksa akur apabila lebih tiga puluh majlis perkahwinan dibatalkan. Situasi ini telah direkodkan walaupun belum sehari pengumuman PKP ebrlaku. Sudah jelaslah bahawa perbelanjaan awal bagi alatan memasak dan keperluan untuk majlis hanyalah membawa kerugian kepada pengusaha katering tersebut. Syarikat itu juga perlu membayar balik wang deposit kepada pelanggan mereka.

Selain itu, pengusaha katering juga kehilangan peluang untuk menanam minat dan perasaan ingin tahu kepada para remaja. Peluang untuk menanam minat kepada para remaja tersebut biasanya boleh didapati semasa melayani mereka. Pelayan boleh menarik perhatian para remaja melalui layanan yang mesra dan penyampaian resepi masakan yang lazat serta unik. Namun, mereka telah kehilangan peluang tersebut akibat pembatalan majlis. Situasi lebih merisaukan dari yang disangka apabila generasi muda masa kini tidak mempunyai kesedaran akan potensi dan kelebihan yang boleh diperolehi daripada khidmat katering. Tambahan pula, generasi mereka kurang pendedahan akibat terpaksa mengurungkan diri di dalam rumah. Pihak sekolah yang berperanan penting juga kehilangan peluang mereka untuk memberikan pengetahuan tentang perkhidmatan katering.

## PENUTUP

Kesimpulannya, situasi-situasi yang diterangkan sebelumnya sudah jelas boleh dijadikan bukti kesan-kesan pandemik Covid-19 terhadap khidmat katering. Walau bagaimanapun, pelbagai pihak telah mencari inisiatif kerana yakin akan potensi khidmat katering pada masa akan datang. Oleh itu, pelbagai kempen secara atas talian telah dijalankan bagi menarik generasi muda untuk menceburi perkhidmatan katering. Generasi muda masa kini boleh menggunakan masa terluang mereka di rumah untuk mencuba resepi masakan dan pada masa sama, membantu ahli keluarga menghidangkan makanan. Alhasilnya, masa-masa sebegini dapat dimanfaatkan dengan mengenali khidmat katering, bahkan juga mengeratkan hubungan silaturrahim bersama ahli keluarga. Tidak dinafikan bahawa potensi khidmat katering amatlah besar pada masa hadapan kerana khidmat tersebut sudah menjadi suatu keperluan dalam kehidupan masyarakat moden pada hari ini. Perkara ini juga disokong kuat apabila budaya makan luar sudah lama diamalkan oleh penduduk bandar di Malaysia mahupun diseantero dunia. Perkhidmatan katering juga dapat memberikan kelebihan kepada sektor-sektor berkaitan. Sebagai contoh, amalan makan secara keraian telah memberikan peluang ekonomi kepada peniaga dan pekerjanya. Selain itu, taraf pengurusan hotel yang berkualiti mengambil berat akan perkhidmatan katering mereka di tempat makan. Selanjutnya, pembelian bahan mentah juga telah memberikan keuntungan kepada pengeluar. Sesungguhnya, khidmat katering amatlah berpotensi dan akan sentiasa dipraktikkan sehingga ke generasi akan datang.

